

BAB
KELIMA

BAB KELIMA

TEMPAT KEMBALI DAMĪR GHĀ'IB DI DALAM SURAH AL-AN'ĀM

5.0 Pendahuluan

Surah al-An'ām telah dipilih menjadi bahan analisis di dalam kajian disertasi ini. Pemilihan surah al-An'ām dirasakan dapat memenuhi dan meliputi beberapa pertimbangan yang dibuat oleh ahli-ahli nahu dan ahli-ahli tafsir dalam memastikan tempat kembali bagi damīr ghā'ib.

5.1 Latar Belakang surah al-An'ām

Surah al-An'ām yang bermaksud binatang ternakan mengandungi 165 ayat. Ia merupakan surah makkiyyah, kerana hampir keseluruhan ayat-ayatnya diturunkan di Mekah sebelum berlakunya peristiwa hijrah. Surah ini dinamakan al-An'ām kerana terdapat di dalamnya adat istiadat kaum musyrikin, yang menurut mereka binatang-binatang ternakan itu dapat dipergunakan untuk mendekatkan diri kepada tuhan mereka. Di dalam surah ini juga terdapat hukum-hukum yang berkaitan dengan binatang ternakan. Sebagai contoh ayat 145: ﴿قُلْ لَا أَحَدٌ فِي مَا أَوْحَىٰ إِلَيَّ مَعْرُوفًا عَلَىٰ طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مِثْقَلُ ذَرَّةٍ مِنْهُ دُمًّا مَسْفُوحًا أَوْ نَجَسًا﴾

(Katakanlah (Wahai Muhammad): "Aku tidak dapati dalam apa yang diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi – kerana sesungguhnya ia adalah kotor – atau sesuatu (yang dilakukan secara) fasik, iaitu binatang, yang disembelih atas nama yang lain dari Allah".)

5.2 Tempat Kembali **Ḍamīr** yang satu di dalam surah al-An'ām

Dalam membincangkan tempat kembali **Ḍamīr ghā'ib** yang satu di dalam surah al-An'ām, akan dianalisis ayat-ayat al-Qur'an tentang persoalan-persoalan yang berkaitan bentuk-bentuk tempat kembali **Ḍamīr ghā'ib** dan konsep persejajaran ciri di antara **Ḍamīr ghā'ib** dan tempat kembalinya di dalam surah al-An'ām.

5.2.1 Bentuk-bentuk Tempat Kembali **Ḍamīr Ghā'ib** di dalam surah al-An'ām

Bentuk-bentuk tempat kembali **Ḍamīr ghā'ib** di dalam surah al-An'ām terbahagi kepada dua iaitu:

- i. sebelum **Ḍamīr**.
- ii. selepas **Ḍamīr**.

5.1.1.1 Tempat Kembali **Ḍamīr Ghā'ib** yang terletak sebelum **Ḍamīr**

Seperti yang disebut dalam bab ketiga tempat kembali **Ḍamīr ghā'ib** yang terletak sebelum **Ḍamīr** juga terbahagi kepada dua iaitu:

- a. secara jelas.
- b. secara abstrak.

A. Tempat Kembali **Ḍamīr Ghā'ib** yang terletak sebelum **Ḍamīr** secara jelas

Menjadi satu kelaziman bagi **Ḍamīr ghā'ib**, tempat kembalinya berada atau disebut sebelumnya. Keadaan ini turut diperhatikan di keseluruhan ayat yang terdapat dalam surah al-An'ām. Sebagai contoh dibawa beberapa ayat yang menjelaskan keadaan tersebut. Di antaranya:

1. Ayat ke 6 dari surah al-An‘ām.

﴿وَجَعَلْنَا الْأَنْهَارَ نَحْرِي مِنْ تَحْتِهِمْ فَأَمْلَكْنَاهُمْ بِذُنُوبِهِمْ وَأَنْشَأْنَا مِنْ بَعْدِهِمْ قَرْنًا مَآخِرِينَ﴾

Dan kami jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka, kemudian Kami binasakan mereka dengan sebab dosa mereka sendiri, dan Kami ciptakan sesudah mereka umat yang lain?

Damīr ghā'ib pada fi‘l (kata kerja) “نَحْرِي” [tajrī] (mengalir) merujuk kepada “الْأَنْهَارَ” [al-anhār] (sungai-sungai), iaitu perkataan yang disebut sebelumnya.

2. Ayat ke 7 dari surah al-An‘ām.

﴿وَلَوْ نَزَّلْنَاهُ عَلَيْكَ كِتَابًا فِي قِرْطَاسٍ فَلَمَسُوهُ بِأَيْدِيهِمْ لَقَالِ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّ هَذَا إِلَّا سِحْرٌ مُبِينٌ﴾

Dan kalau Kami turunkan kepadamu sebuah kitab (yang bertulis) pada kertas, lalu mereka memegangnya dengan tangan mereka, niscaya orang-orang yang kafir itu berkata: “Ini tidak lain, hanyalah sihir yang terang nyata”.

Damīr ghā'ib yang terdapat pada perkataan “فَلَمَسُوهُ” [falamasūh] (mereka dapat memegangnya) merujuk kepada perkataan yang disebut sebelumnya iaitu “قِرْطَاسٍ” [qirtās] (kertas).

3. Ayat ke 12 dari surah al-An‘ām.

﴿قُلْ لِمَنْ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ قُلْ لِلَّهِ كَتَبَ عَلَى نَفْسِهِ الرَّحْمَةُ لِيَجْمَعَنَّكُمْ إِلَى يَوْمِ الْقِيَمَةِ لَا رَيْبَ فِيهِ الَّذِينَ خَسِرُوا أَنْفُسَهُمْ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ﴾

Bertanyalah (Wahai Muhammad): "Hak milik siapakah segala yang ada di langit dan di bumi?". Katakanlah: "(Sesuatu itu) bagi Allah. Dia telah menetapkan atas diri-Nya memberi rahmat. Demi sesungguhnya Dia akan menghimpun kamu pada hari kiamat yang tidak ada sebarang syak padanya. Orang-orang yang merugikan diri sendiri (dengan mensia-siakan pengurniaan Allah), maka mereka (dengan sebab yang tersebut) tidak beriman".

Damīr ghā'ib mufrad yang terdapat pada kata kerja "كَتَبَ" [kataba] (dia telah menetapkan) dan "يَحْمِلُنَّكُمْ" [layajma'annakum] (dia sungguh-sungguh akan menghimpun kamu), serta perkataan "نَفْسِي" [nafsihī] (diriNya) merujuk kepada "لِللَّهِ" [lillāh] (bagi Allah). Manakala **damīr ghā'ib mufrad** yang terdapat pada perkataan "فِيهِ" [fihī] (terhadapnya) merujuk kepada "يَوْمَ" [yawm] (hari). Kesemua tempat kembali bagi **damīr-damīr** ini disebut sebelumnya.

4. Ayat ke 31 dari surah al-An'ām.

﴿قَدْ خَسِرَ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِلِقَاءِ اللَّهِ حَتَّىٰ إِذَا جَاءَتْهُمْ السَّاعَةُ بَغْتَةً قَالُوا بِحَسْرَتِنَا عَلَىٰ مَا فَرَقْنَا بَيْنَهُمْ وَهُمْ يَحْمِلُونَ أَوْزَارَهُمْ عَلَىٰ ظُهُورِهِمْ ۚ إِلَّا سَاءَ مَا يَزِرُونَ﴾

Sesungguhnya telah rugilah orang-orang yang mendustakan pertemuanmengadap Allah, sehingga apabila hari kiamat datang secara mengejut kepada mereka, mereka berkata: "Aduhai kesalnya kami atas apa yang kami telah cuaiikan dalam dunia!", sambil mereka memikul dosa-dosa mereka di atas belakang mereka. Ingatlah, amatlah buruk apa yang mereka pikul itu.

Damīr ghā'ib yang terdapat pada perkataan "فِيهَا" [fihā] (terhadapnya) merujuk kepada "السَّاعَةِ" [al-sā'at] yang disebut sebelumnya.

5. Ayat ke 38 dari surah al-An'ām.

﴿وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَيْرٍ يَطِيرُ بِحَنَاحَيْهِ إِلَّا أُمَمٌ أَمْثَلَكُمْ مَا فَرَقْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يُحْشَرُونَ﴾

Dan tidak seekorpun binatang yang melata di bumi, dan tidak seekorpun burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan (mereka ialah) umat seperti kamu. Tiada Kami meninggalkan sesuatupun di dalam kitab (Al-Qur'an) ini, kemudian mereka (sekaliannya) akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan).

Damīr ghā'ib yang terdapat pada perkataan “بِحَنَاحَيْهِ” [bijanāhayhī] (dengan kedua sayapnya) merujuk kepada “طَيْرٍ” [ta'irin] (burung) yang merupakan kata nama yang disebut sebelumnya.

B. Tempat Kembali **Damīr Ghā'ib** sebelum **Damīr** secara Abstrak

- i. Tempat Kembali **Damīr Ghā'ib** mendahuluinya secara Tersirat iaitu **Masdar** yang terbentuk daripada **Fi'l** sebelumnya

Terdapat tiga ayat di dalam surah al-An'ām yang menunjukkan bahawa **damīr ghā'ib** merujuk kepada **masdar** yang terbentuk daripada **fi'l** sebelumnya menurut pendapat ahli-ahli tafsir. Ayat-ayat tersebut ialah:

1. Ayat ke 12 dari surah al-An'ām.

﴿قُلْ لِّمَنْ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ قُلْ لِلَّهِ كُتِبَ عَلَىٰ نَفْسِهِ الرَّحْمَةُ لِيَجْمَعَٰكُمْ إِلَىٰ يَوْمِ الْقِيَمَةِ لَا رَبَّ فِيهِ الَّذِينَ خَسِرُوا أَنْفُسَهُمْ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ﴾

Bertanyalah (Wahai Muhammad): Hak milik siapakah segala yang ada di langit dan bumi?" Katakanlah: "(Sesuatu itu) adalah bagi Allah. Ia telah menetapkan atas diriNya memberi rahmat. Demi sesungguhnya Dia akan menghimpunkan kamu pada hari kiamat yang tidak ada sebarang syak padanya." Orang-orang yang merugikan diri sendiri (dengan mensia-siakan pengurniaan Allah), maka mereka (dengan sebab yang tersebut) tidak beriman.

Damīr ghā'ib yang terdapat pada perkataan "فِيهِ" [fihī] (terhadapnya) pada zahirnya merujuk kepada "يَوْمَ" [yawm] (hari) tetapi berkemungkinan merujuk kepada **maṣḍar** yang terbentuk daripda fi'l "لَيَجْمَعَنَّكُمْ" [layajma'annakum] (Dia sungguh-sungguh akan menghimpun kamu) iaitu "الْجَمْعَ" [al jam'at] (perhimpunan) kerana ia adalah tindak balas terhadap mereka yang menafikan perhimpunan pada hari kiamat.¹ Jadi berdasarkan tempat kembali tersebut ayat "لَيَجْمَعَنَّكُمْ إِلَى يَوْمِ الْقِيَمَةِ لَا رَيْبَ فِيهِ" membawa maksud "Dia bersungguh-sungguh akan menghimpun kamu pada hari kiamat yang tidak ada keraguan terhadap perhimpunan itu".

2. Ayat 105 dari surah al-An'ām.

﴿وَكَذَلِكَ نُنْصِرُ الْآبَتِ وَيَقُولُوا دَرَسْتَ وَلِنَبَيِّنَ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ﴾

Dan demikianlah Kami mengulang-ulangi ayat-ayat keterangan Kami satu persatu (dengan berbagai cara), (untuk menimbulkan keingkaran mereka) dan supaya mereka(yang ingkar itu menuduhmu dengan) berkata: "Engkau telah mempelajarinya (dari orang lain)", dan supaya Kami menerangkan (Al-Qur'an) itu kepada orang-orang yang (mahu) mengetahui.

Bagi **damīr ghā'ib** yang terdapat pada perkataan "لِنَبَيِّنَ" [linubayyinahu] (Kami menjelaskannya) terdapat beberapa kemungkinan. Ada pendapat yang mengatakan **damīr ghā'ib** tersebut merujuk kepada **maṣḍar** yang difahami daripada perkataan "نُصْرَفُ" [nusarrif] (kami mengulang-ulangi) iaitu "التصريف" [al tasrif] (pengulangan). Seterusnya

ayat tersebut membawa maksud “Kami menjelaskan berulang-ulang”.² Sementara itu ada juga pendapat yang mengatakan **ḍamīr ghā’ib** tersebut merujuk kepada **maṣḍar** yang difahami daripada perkataan ‘نُبَيِّنُ’ [nubayyin] (Kami menjelaskan) itu sendiri iaitu ‘التَّبْيِينُ’ [al-Tabyīn] (penerangan). Seterusnya ayat tersebut membawa maksud “Kami telah menjelaskan penerangan”. Situasi ini sama dengan contoh: ‘ضَرَبْتُهُ زَيْدًا’ [darabtuhū Zaydan] (Saya telah pukulnya Zaid) yang membawa maksud ‘ضَرَبْتُ الضَّرْبَ زَيْدًا’ [darabtu al-darb zaydan] (Saya telah pukul Zaid dengan satu pukulan).³

3. Ayat ke 121 dari surah al-An‘ām.

﴿وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يَذْكُرْ أَسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ وَإِنَّ الشَّيْطَانَ لَيُفَوِّخُنَ إِلَىٰ أَوْلِيَآئِهِمْ لِيُحْدِلُوا فِيكُمْ وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ إِنَّكُمْ لَمُشْرِكُونَ﴾

Dan janganlah kamu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang tidak disebut nama Allah ketika menyembelihnya, kerana sesungguhnya (yang sedemikian) itu adalah perbuatan fasik (berdosa); dan sesungguhnya syaitan-syaitan itu membisikkan kepada pengikutnya-pengikutnya, supaya mereka membantah (menghasut) kamu; dan jika kamu menurut (hasutan) mereka (untuk menghalalkan yang haram itu), sesungguhnya kamu tetap menjadi orang musyrik.

Ḍamīr ghā’ib yang terdapat pada perkataan “إِنَّهُ” [innahū] (sesungguhnya) merujuk kepada **maṣḍar** yang terbentuk dari **فَاكُلُوا** “تَأْكُلُوا” [ta’kulū] (kamu makan) iaitu “الْأَكْلُ” [al-akl] (makan).⁴ Seperti yang disebut dalam Bab Ketiga yang lalu, maksud yang terbentuk daripada **maṣḍar** memberi nilai pengukuhan (**tawkid**). Seterusnya maksud ayat tersebut “وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يَذْكُرْ أَسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ” yang terbentuk daripada rujukan **ḍamīr** tersebut ialah “Dan janganlah kamu memakan binatang-binatang yang tidak disebut nama Allah

ketika menyembelihnya. Sesungguhnya perbuatan makan semacam itu adalah suatu kefasikan”.

- ii. Tempat Kembali **Ḍamīr Ghā'ib** terletak sebelum **Ḍamīr** tetapi ia bukan Tempat Kembali yang sebenar sebaliknya mempunyai persamaan dengan Tempat Kembali **Ḍamīr**.

Terdapat satu ayat di dalam surah al-An'ām yang menunjukkan tempat kembali **Ḍamīr ghā'ib** terletak sebelum **Ḍamīr** tetapi ia bukan tempat kembali yang sebenar sebaliknya mempunyai persamaan dengan tempat kembali **Ḍamīr** tersebut dari segi lafaz. Ayat tersebut ialah ayat 60 dari surah al-An'ām:

﴿وَهُوَ الَّذِي يَتَوَقَّعُكُمْ بِالْأَيْدِي وَيَعْلَمُ مَا جَرَحْتُم بِالنَّهَارِ ثُمَّ يَبْعَثُكُمْ فِيهِ لِيُقْضَىٰ أَجَلٌ مُّسَمًّى ثُمَّ إِلَيْهِ مَرْجِعُكُمْ ثُمَّ يُنْفِخُ فِي الصورِ ثُمَّ يَرْجِعُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ﴾

﴿وَهُوَ الَّذِي يَتَوَقَّعُكُمْ بِالْأَيْدِي وَيَعْلَمُ مَا جَرَحْتُم بِالنَّهَارِ ثُمَّ يَبْعَثُكُمْ فِيهِ لِيُقْضَىٰ أَجَلٌ مُّسَمًّى ثُمَّ إِلَيْهِ مَرْجِعُكُمْ ثُمَّ يُنْفِخُ فِي الصورِ ثُمَّ يَرْجِعُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ﴾

Dan Dialah yang menidurkan kamu pada waktu malam, dan Dia mengetahui apa yang kamu kejakan pada siang hari, kemudian Dia bangunkan kamu (dari tidur) padanya, untuk disempurnakan ajal (masaumur kamu) yang telah ditetapkan. Kemudian kepadaNYalah tempat kamu kembali, kemudian pula Dia menyatakan kepada kamu apa yang telah kamu lakukan.

Ḍamīr ghā'ib yang terdapat pada perkataan “فِيهِ” [fihī] (padanya) merujuk kepada “النَّهَارِ” [al-nahār] (siang hari) dari segi lafaz dan tidak makna. Ini kerana makna yang ingin disampaikan ialah siang hari yang lain bukan pada hari yang sama.⁵ Hal ini dapat kita perhatikan apabila kita berkata “عندي درهم ونصفه” [‘indī dirham wa nisfuhū] (saya mempunyai satu dirham dan setengahnya). Ungkapan “setengahnya” bukan bermaksud dirham yang sama tetapi dirham yang lain. Jelas di sini **Ḍamīr** tersebut merujuk kepada lafaz tempat kembali bukan kepada maknanya.

iii. Sesuatu Yang Abstrak Mendahului **Damīr Ghā'ib** Bagi Menunjukkan kepada Tempat Kembali **Damīr**.

Di samping itu terdapat juga keadaan di mana **damīr ghā'ib** merujuk kepada sesuatu yang abstrak iaitu yang tidak disebut dalam ayat tetapi difahami daripada konteks ayat yang terbentuk. Dalam situasi yang berkaitan dengan ayat-ayat al-Qur'an, hal ini banyak bergantung kepada konteks ayat-ayat tersebut. Situasi ini turut terdapat di dalam surah al-An'ām. Terdapat tujuh ayat yang menunjukkan tempat kembali **damīr** adalah sesuatu yang abstrak. Ayat-ayat tersebut ialah:

1. Ayat 8 dari surah al-An'ām.

﴿وَقَالُوا لَوْلَا أُنزِلَ عَلَيْهِ مَلَكٌ ۖ وَلَوْ أَنْزَلْنَا مَلَكَ لَقُضِيَ الْأَمْرُ لَمْ لَا تُنظَرُونَ﴾

Dan mereka berkata: "Mengapakah tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) seorang malaikat?" pada hal kalau Kami turunkan seorang malaikat niscaya selesailah perkara itu (kerana mereka tetap berdegil dan tidak akan beriman), kemudian mereka tidak diberi tempuh (lalu dibinasakan dengan bala bencana secara mengejut).

Damīr ghā'ib 'ا' [h] (nya) yang terdapat pada perkataan 'عليه' ['alayhī] (kepadanya) merujuk kepada tempat rujukan yang tidak disebut di dalam ayat iaitu nabi Muhammad s.a.w.⁶ Malah Ibn 'Āsyūr ketika menjelaskan tentang tempat kembali **damīr** ini telah menyatakan bahawa tempat kembali **damīr** ini diketahui melalui konteks, kerana sekiranya terdapat di dalam ayat **damīr ghā'ib** yang tempat kembali tidak mendahuluinya maka seharusnya subjek perbincangan yang diperkatakan di dalam ayat ditentukan menjadi tempat kembali kepada **damīr** tersebut.⁷

2. Ayat 9 dari surah al-An'ām.

﴿وَلَوْ جَعَلْنَاهُ مَلَكًا لَّجَعَلْنَاهُ رَجُلًا وَلَلَبَسْنَا عَلَيْهِم مَّا يَلِيُونُ﴾

Dan kalau Kami jadikan dia seorang Malaikat, tentulah kami menjadikannya berupa seorang lelaki (supaya mereka dapat melihatnya), dan tentulah Kami (dengan yang demikian) menyebabkan mereka kesamaran sebagaimana mereka sengaja membuat-buat kesamaran (tentang kebenaran nabi Muhammad s.a.w).

Sepertimana ayat sebelum ini, **damīr ghā'ib** 'ء' [h] (nya) yang terdapat pada perkataan 'جعلناه' [ja'alnāhū] (Kami jadikannya) merujuk kepada nabi Muhammad s.a.w yang tidak disebut di dalam ayat tetapi difahami melalui konteksnya.⁸

3. Ayat 25 dari surah al-An'ām.

﴿وَمِنْهُمْ مَّنْ يَسْتَمِعُ إِلَيْكَ ۖ وَجَعَلْنَا عَلَى قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً أَنْ يَفْقَهُوهُ وَفِي آذَانِهِمْ وَقْرًا﴾

Dan di antara mereka ada yang mendengarkanmu (membaca Al-Qur'an), pada hal Kami telah jadikan tutupan berlapis-lapis atas hati mereka, yang menghalang mereka daripada memahaminya, dan (Kami jadikan) pada telinga mereka penyumbat (yang menjadikan mereka pekak).

Menurut Ibn 'Āsyūr **damīr ghā'ib** 'ء' [h] (nya) yang terdapat pada perkataan 'يفقهوه' [yafqahūh] (mereka memahaminya) merujuk kepada al-Qur'an yang tidak disebut di dalam ayat tetapi difahami daripada ayat 'يستمع إليك' [yastami'u ilayka] (mendengar bacaanmu).⁹

4. Ayat 51 dari surah al-An‘ām.

﴿وَأَنذِرْ بِهِ الَّذِينَ يَخَافُونَ أَن يُحْشَرُوا إِلَىٰ رَبِّهِمْ﴾

Dan berilah amaran dengan al-Qur‘an itu kepada orang-orang yang merasa takut bahwa mereka akan akan dihimpunkan kepada tuhan nya (pada hari kiamat).

Damīr ghā‘ib ‘هـ’ [h] (nya) yang terdapat pada perkataan ‘به’ [bihi] (dengannya) merujuk kepada al-Qur‘an yang difahami daripada ayat ﴿مَا يُوْحَىٰ إِلَيْكَ﴾ [ma yuhā ilayyā] (apa yang diwahyukan kepadaku).¹⁰

5. Ayat 57 dari surah al-An‘ām.

﴿قُلْ إِنِّي عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّنْ رَبِّي وَكَذَّبْتُمْ بِهِ﴾

Katakanlah: “Sesungguhnya aku tetap berada di atas (kebenaran yang berdasarkan) bukti-bukti yang nyataa (Al-Qur‘an) dari tuhanku, sedangkan kamu mendustakannya.”

Tempat kembali bagi **damīr ghā‘ib mufrad** yang terdapat pada perkataan “به” [bihi] (dengannya) mempunyai pelbagai tafsiran menurut ahli-ahli tafsir. Ini disebabkan tempat kembali yang sebenarnya tidak disebut tetapi difahami melalui konteks ayat. Ada yang berpendapat **damīr** tersebut merujuk kepada “العذاب” [al-‘azāb] (azāb)¹¹ atau “القرآن” [al-Qur‘an] (al-Qur‘an)¹².

6. Ayat 70 dari surah al-An‘ām.

﴿وَذَرِ الدِّينَ اتَّخِذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَغَرَّتْهُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكِّرْ بِهِ﴾

Dan jauhkanlah diri dari orang-orang yang menjadikan agama mereka sebagai permainan dan hiburan, dan mereka pula telah diperdayakan oleh kehidupan dunia, dan peringatlah mereka dengan Al-Qur'an."

Tempat kembali **damīr ghā'ib** yang terdapat pada perkataan 'ب' [biḥī] (dengannya) ialah al-Qur'an.¹³ Tempat kembali ini ditentukan daripada maksud perkataan sebelumnya iaitu peringatan. Seperti mana yang diketahui, al-Qur'an penuh dengan peringatan-peringatan daripada Allah s.w.t sama ada peringatan mengenai hari kebangkitan, nikmat atau azab. Malah terdapat ayat di dalam surah Qāf ayat 45, secara jelas Allah s.w.t menyebut al-Qur'an, iaitu ﴿فَذَكِّرْ بِالْقُرْآنِ مَنْ يَخَافُ وَعِيدَ﴾ [fadhakkir bi al-Qur'an man yakhāfu wa'iyd] (maka beri peringatanlah dengan al-Qur'an orang yang takut kepada ancamanKu).

7. Ayat 105 dari surah al-An'ām.

﴿وَكَذَلِكَ نُصَرِّفُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ﴾

Dan demikianlah Kami mengulang-ulangi ayat-ayat keterangan Kami satu persatu (dengan berbagai cara), (untuk menimbulkan keingkaran mereka) dan supaya mereka (yang ingkar itu menuduhmu dengan) berkata: "Engkau telah mempelajarinya (dari orang-orang lain)", dan supaya Kami menerangkan (Al-Qur'an) itu kepada orang-orang yang (mahu) mengetahui.

Damīr ghā'ib 'ي' [h] yang terdapat pada perkataan 'لنبيه' [linubayyinahū] (untuk kami terangkannya) merujuk kepada al-Qur'an yang difahami daripada konteks ayat.¹⁴

iv. Tempat Kembali **Ḍamīr** adalah Makna Lafaz dan bukan kepada Lafaz.

Dalam surah al-An‘ām terdapat juga ayat-ayat yang mana **Ḍamīr ghā’ib** merujuk kepada makna lafaz dan bukan kepada lafaz. Hal ini dapat diperhatikan dalam ayat-ayat berikut:

1. Ayat ke 25 dari surah al-An‘ām.

﴿ وَمِنْهُمْ مَنْ يَسْتَمِعُ إِلَيْكَ ۖ وَجَعَلْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً أَنْ يَفْقَهُوهُ وَفِي آذَانِهِمْ وَقْرًا ۖ وَإِنْ تَرَوْا كَلَّ نَابَةٍ لَا يُؤْمِنُوا بِهَا ۚ حَتَّىٰ إِذَا جَاءُوكَ يُخَادِلُونَكَ يَقُولُ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّ هَٰذَا إِلَّا أَسْطِيرُ الْأَوَّلِينَ ۝ ﴾

Dan di antara mereka ada yang mendengarkanmu (membaca Al-Qur'an), pada hal Kami telah jadikan tutupan berlapis-lapis atas hati mereka, yang menghalang mereka daripada memahaminya, dan (Kami jadikan) pada telinga mereka penyumbat (yang menjadikan mereka pekak), dan kalau pun mereka melihat tiap-tiap keterangan (dan mukjizat yang membuktikan kebenaran rasul), mereka tidak juga akan beriman kepadanya, sehingga apabila mereka datang kepadamu, sambil membantahmu, berkatalah orang-orang yang kafir itu: "Ini tidak lain hanyalah cerita-cerita dongeng orang-orang dahulu."

Dalam ayat ini dimufradkan **Ḍamīr** yang terdapat pada kata kerja “يَسْتَمِعُ” [yastami‘u] (mendengar) kerana **Ḍamīr ghā’ib** tersebut merujuk kepada lafaz “مَنْ” [man] (orang yang) dan bukan kepada maknanya. Manakala **Ḍamīr ghā’ib** pada perkataan “قُلُوبِهِمْ” [qulūbihim] (hati mereka) dijam‘kan kerana **Ḍamīr** tersebut merujuk kepada makna “مَنْ” [man] (orang yang) dan bukan pada lafaznya.¹⁵

2. Ayat ke 46 dari surah al-An‘ām.

﴿ قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَخَذَ اللَّهُ سَمْعَكُمْ وَأَبْصَرَكُمْ وَخَتَمَ عَلَىٰ قُلُوبِكُمْ مَنْ إِلَهٌ غَيْرُ اللَّهِ يَأْتِيَكُمْ بِهِ ۚ أَنْتَرُ كَيْفَ نَصْرَفُ الْآيَاتِ ثُمَّ هُمْ يَصْذَقُونَ ۝ ﴾

Katakanlah (Wahai Muhammad): “Bagaimana fikiran kamu, jika Allah melenyapkan pendengaran kamu serta penglihatan kamu, dan ia pula mengecap (memeterikan) atas hati kamu? Siapakah tuhan selain Allah yang berkuasa mengembalikannya kepada kamu?” Lihatlah bagaimana Kami berulang-ulang menerangkan tanda-tanda kebesaran Kami (dengan berbagai-bagai cara), dalam pada itu, mreka tetap juga berpaling – ingkar.

Damīr ghā’ib yang terdapat pada perkataan “بِهِ” [bihi] (dengannya) dikatakan merujuk kepada “الهُدَى” [al-hudā] (hidayah) iaitu makna yang dapat difahami daripada perbuatan mencabut pendengaran dan penglihatan serta menutup hati, kerana perbuatan ini semua sebab kepada tertutup jalan menuju hidayah.¹⁶

3. Ayat ke 57 dari surah al-An‘ām.

﴿قُلْ إِنِّي عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّي وَكَذَّبْتُم بِهِ ۚ مَا عِندِي مَا تَسْتَعْجِلُونَ بِهِ ۚ إِنِ الْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ يَفْصِلُ الْخَبَرَ

وَهُوَ خَيْرُ الْفَصِيلِينَ﴾

Katakanlah: “Sesungguhnya aku tetap berada di atas (kebenaran yang berdasarkan) bukti-bukti yang nyata (Al-Qur’an) dari tuhanku, sedang kamu mendustakan. Tidak ada padaku apa yang kamu minta segerakan itu (dari azab seksa), hanya Allah jualah yang menetapkan hukum. Dia menerangkan kebenaran, dan Dialah sebaik-baik yang memberi keputusan.”

Damīr ghā’ib yang terdapat pada perkataan “بِهِ” [bihi] (dengannya) dikatakan merujuk kepada makna yang difahami daripada “بَيِّنَةٍ” [bayyinat] (bukti yang nyata) iaitu “أَمْرٌ بَيِّنٌ” [amr bayyin] (perkara yang nyata). Malah dikatakan juga **damīr ghā’ib** tersebut merujuk kepada “الْبَيَانَ” [al bayān] (kenyataan) dan “الْقُرْآنَ” [al Qur’ān] (al-Qur’an) iaitu makna yang dapat difahami daripada “بَيِّنَةٍ” [bayyinat] (nyata).¹⁷ Jelas di sini **damīr ghā’ib** tersebut merujuk kepada makna dan tidak kepada lafaz tempat kembali tersebut kerana tidak ada persejajaran ciri di antara **damīr** dan tempat kembalinya dari sudut genus.

4. Ayat 105 dari surah al-An‘ām.

﴿وَكَذَلِكَ نَصْرِفُ الْآيَاتِ لِيَقُولُوا دَرَسْتَ وَلِنَبَيِّنَ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ﴾

Dan demikianlah Kami terangkan ayat-ayat keterangan Kami satu-persatu (dengan berbagai-bagai cara), (untuk menimbulkan keingkaran mereka) dan supaya mereka (yang ingkar itu menuduhmu dengan) berkata: “Engkau telah mempelajarinya (dari orang-orang lain)”, dan supaya Kami menerangkan (Al-Qur‘an) itu kepada orang-orang yang (mahu) mengetahui.

Tempat kembali bagi **ḍamīr ghā‘ib** yang terdapat pada perkataan ‘نبيه’ [linubayyinahu] (supaya Kami menjelaskannya) ialah makna bagi lafaz ‘الآيات’ [al āyāt] (ayat-ayat) iaitu Al-Qur‘an.¹⁸

5.2.1.2 Tempat Kembali **Ḍamīr** terletak selepas **Ḍamīr** di dalam surah al-An‘ām

Dalam surah al-An‘ām terdapat dua keadaan yang utama yang mana tempat kembali **ḍamīr ghā‘ib** mesti terletak selepas **ḍamīr**, iaitu:

1. **Ḍamīr** yang berada di tempat **mubtada‘**, dan **khabarkanya** ialah **ism zāhir** yang menerangkannya dan menginterpretasikan keadaannya seolah-olah kedua-duanya adalah satu dari sudut makna. Dalam surah al-An‘ām hanya terdapat satu ayat yang menunjukkan kepada situasi ini iaitu ayat 29:

﴿وَقَالُوا إِن هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا الدُّنْيَا وَمَا نَحْنُ بِمَبْعُوثِينَ﴾

Dan tentulah mereka akan berkata pula: "Tiadalah hidup yang lain selain dari hidup kita di dunia ini, dan tiadalah kita akan dibangkitkan semula (sesudah kita mati)."

Damīr ghā'ib "مِ" [hiya] (ia) adalah **damīr muḥḥam**. **Damīr** ini ditafsirkan maksudnya oleh **khavar** yang berada selepasnya. Ini bermakna kita tidak dapat memahami maksud yang di bawa oleh **damīr** tersebut melainkan disebut **khavar**nya. Ia merupakan antara **damīr-damīr** yang tempat kembalinya atau pentafsirnya terletak selepas **damīr** dari sudut lafaz dan susunan.¹⁹ Oleh itu **damīr ghā'ib** tersebut merujuk kepada "الحياة" [al hayāt] (hidup) yang difahami daripada konteks ayat "حياتنا الدنيا" [hayātunā al dunya] (kehidupan kita di dunia)²⁰ iaitu **khavar** selepasnya. Ini bermakna konsep persejajaran ciri tetap dipraktikkan dalam menentukan tempat kembali yang disebut selepasnya.

2. **Damīr al-sya'n** atau **al-qissat**. Setelas dianalisis terdapat tiga ayat dalam surah al-Ancām yang menggunakan **damīr al-sya'n** atau **damīr al-qissat** iaitu ayat 21, 33 dan 54. Kesemua **damīr 'ا'** [h] yang terdapat pada **harf nawasikh** iaitu 'ان' [inna] (sesungguhnya) dan 'ان' [anna] (bahawasa) merujuk kepada tempat kembali yang terletak selepas **damīr** tersebut iaitu ayat yang terdapat selepasnya.

- i. Ayat 21 dari surah al-An'ām.

﴿إِنَّهُ لَا يَفْلَحُ الظَّالِمُونَ﴾

Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak akan berjaya.

- ii. Ayat 33 dari surah al-An'ām.

﴿قَدْ نَعْلَمُ إِنَّهُ لَيَحْزُنُكَ الَّذِي يَقُولُونَ﴾

Sesungguhnya, Kami mengetahui bahawasanya apa yang mereka katakan itu akan menyebabkan engkau (wahai Muhammad) berdukacita.

- iii. Ayat 54 dari surah al-An'ām.

﴿إِنَّهُ مَنْ عَمِلَ مِنْكُمْ سُوءًا بِحِيلَةٍ ثُمَّ نَابَ مِنْ بَعْدِهِ، وَأَصْلَحَ فَإِنَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ﴾

Bahawasanya sesiapa di antara kamu yang melakukan kejahatan dengan sebab kejahilannya, kemudian ia bertaubat sesudah itu, dan berusaha memperbaiki (amalannya), maka sesungguhnya Allah amat pengampun lagi amat mengasihani."

5.2.2 Persejajaran Ciri di antara **Ḍamīr** dan Tempat Kembalinya

Persejajaran ciri di antara **Ḍamīr** dan tempat kembalinya dari sudut genus dan bilangan dapat diperhatikan pada keseluruhan ayat-ayat yang terdapat di dalam surah al-An'ām melainkan ayat 57, 105 dan 141 yang menimbulkan perselisihan pendapat di antara ahli-ahli tafsir dan ahli-ahli bahasa. Oleh yang demikian, disertakan di bawah ini beberapa contoh yang menunjukkan persejajaran ciri tersebut. Di samping itu hanya terdapat beberapa bentuk persejajaran ciri sahaja di dalam surah ini. Di antara contoh-contoh bentuk persejajaran ciri di antara **Ḍamīr** dan tempat kembalinya dari sudut genus dan bilangan ialah:

1. Tempat kembali **ḍamīr** adalah **mufrad mudhakkar**. Contoh, ayat pertama dari surah al-An'ām.

﴿الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَجَعَلَ الظُّلُمَاتِ وَالنُّورَ ۚ ثُمَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ طِينٍ ثُمَّ قَضَىٰ أَجَلًا ۚ وَأَجَلٌ مُّسَمًّى عِنْدَهُ ۚ ثُمَّ أَنْتُمْ تَمْتَرُونَ﴾

Segala puji tertentu bagi Allah yang menjadikan langit dan bumi, dan menjadikan gelap dan terang; dalam pada itu, orang-orang kafir menyamakan (sesuatu yang lain) dengan tuhan mereka. Dialah yang menjadikan kamu dari tanah, kemudian ia tentukan ajal (kematian kamu) dan satu ajal lagi yang tertentu disisinya (yaitu masa yang telah ditetapkan untuk dibangkitkan kamu semula pada hari kiamat); dalam pada itu, kamu masih ragu-ragu (tentang hari pembalasan).

Dapat dilihat pada ayat di atas, **ḍamīr** ghaib **mustatir** yang terdapat pada **fi'l** (kata kerja) “خَلَقَ” [khalaqa] (telah menciptakan) dan “جَعَلَ” [ja'ala] (telah mengadakan) merujuk kepada “الَّذِي” [alladhī] (yang). Kedua-duanya iaitu **ḍamīr ghā'ib mustatir** dan tempat kembalinya terdiri daripada genus **mudhakkar** (maskulin) dan bilangan **mufrad**. Dalam pada itu **ism mawsul** dan keterangannya menjadi **ṣilat** bagi “اللَّهُ” [Allāh] (Allah).

Sementara itu **ḍamīr ghā'ib** “هُوَ” [huwa] (Dia) pada ayat yang kedua merujuk kepada [Allāh] (Allah) yang terdapat pada ayat yang kedua. Manakala **ḍamīr** ghaib yang terdapat pada **fi'l** (kata kerja) “خَلَقَكُمْ” [khalaqakum] (menciptakan kamu) dan “قَضَىٰ” [qadā] (ditentukan) serta yang terdapat pada perkataan “عِنْدَهُ” [‘indahū] (pada sisiNya) merujuk kepada **ism mawsul** “الَّذِي” [alladhī] (yang) yang sama ciri genus dan bilangannya. Dalam waktu yang sama **ism mawsul** “الَّذِي” [alladhī] (yang) dan keterangannya menjadi **ṣilat** bagi “اللَّهُ” [Allāh] (Allah).

Kesimpulan daripada itu persejajaran ciri di antara **ḍamīr** dan tempat kembali dari sudut genus **mudhakkar** (maskulin) dan bilangan **mufrad** dalam surah al-Ancām dapat dilihat

pada ayat 1, 2, 3, 5, 7, 8, 9, 10, 12, 13, 14, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 24, 25, 26, 28, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 41, 44, 46, 47, 48, 51, 52, 54, 57, 58, 59, 60, 61 62, 63, 64, 65, 66, 68, 70, 71, 72, 73, 74, 75, 76, 77, 78, 80, 81, 83, 84, 88, 90, 91, 92, 93, 96, 97, 98, 99, 100, 101, 102, 103, 104, 105, 106, 110, 112, 113, 114, 115, 117, 118, 119, 120, 121, 122, 124, 125, 127, 128, 133, 135, 136, 137, 138, 139, 141, 142, 143, 144, 145, 146, 147, 148, 149, 150, 151, 152, 153, 154, 155, 157, 159, 160, 161, 163, 164 dan 165.

2. Tempat kembali adalah **mufrad mu’annath**. Contohnya ayat 4 dalam surah al-An’ām.

﴿وَمَا تَأْتِيهِمْ مِنْ نَّازِلَةٍ مِنْ نَّازِلَاتِ رَبِّهِمْ إِلَّا كَانُوا عَنْهَا مُعْرِضِينَ﴾

Dan tak ada sesuatu keterangan yang sampai kepada mereka (kaum kafir) dari keterangan-keterangan tuhan mereka, melainkan mereka selalu berpaling daripadanya (enggan menerimanya).

Damīr ghā’ib “ها” [hā] (nya) yang terdapat pada perkataan “عَنْهَا” [‘anhā] (daripadanya) merujuk kepada “نَّازِلَةٍ” [āyatin] (satu ayat)²¹. Kedua-duanya sama dari sudut genus muannath (feminin) dan bilangan **mufrad**.

Ayat-ayat yang menunjukkan bentuk persejajaran ciri ini ialah 4, 25, 29, 31, 59, 70, 83, 89, 92, 99, 104, 109, 123, 128, 152 dan 158.

3. Tempat kembali adalah **muthannā**. Dalam surah al-An’ām hanya terdapat satu ayat yang menggunakan **damīr ghā’ib muthannā** iaitu ayat 146.

﴿وَعَلَى الَّذِينَ هَادُوا حَرَّمْنَا كُلَّ ذِي ظُفْرٍ وَمِنَ الْبَقَرِ وَالْغَنَمِ حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ شُحُومَهُمَا إِلَّا مَا حَمَلَتْ
ظُهُورُهُمَا أَوِ الْحَوَايَا أَوْ مَا اخْتَلَطَ بِعَظْمٍ ذَلِكَ جَزَيْنَهُمْ بِتَغْيِيهِمْ وَإِنَّا لَصَادِقُونَ﴾

Dan Kami haramkan atas orang-orang Yahudi segala binatang yang berkuku. Dan dari lembu dan kambing (pula) Kami haramkan kepada mereka lemaknya, melainkan (lemak) yang ada pada belakangnya atau yang yang menyelaputi perkakas dalam perutnya. Atau yang bercampur dengan tulang. Demikianlah, Kami balas mereka dengan sebab kederhakaan merka, dan sesungguhnya kamilah yang benar.

Dapat diperhatikan dalam ayat di atas, **damīr ghā'ib** “هما” [humā] (keduanya) pada perkataan “شُحُومَهُمَا” [syuhūmahumā] (lemak keduanya) dan perkataan “ظُهُورُهُمَا” [zuhūruhumā] (belakang keduanya) merujuk kepada “الْبَقَرِ وَالْغَنَمِ” [al-baqar wa al-ghanam] (lembu dan kambing)²². **Damīr-damīr** tersebut mempunyai persamaan dengan tempat kembalinya dari sudut genus dan dari segi bilangan.

4. Tempat kembali **damīr ghā'ib jam'** **mudhakkar sālim**. Kebanyakan **damīr ghā'ib** tersebut merujuk kepada orang-orang musyrikin dan orang-orang kafir Mekah serta orang-orang Yahudi yang sezaman dengan rasul-rasul yang terdahulu. Pendapat ini dinyatakan oleh Ibn 'Asyur di dalam ayat yang keempat “**Damīr-damīr ghā'ib jam'** yang dimaksud ialah orang-orang musyrikin”²³. Contoh ayat 6 dalam surah al-An'ām.

﴿أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ قَرْنٍ مَكَّنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ مَا لَمْ نُمَكِّنْ لَكُمْ وَأَرْسَلْنَا السَّمَاءَ عَلَيْهِمْ

مِدْرَارًا وَجَعَلْنَا الْأَنْهَارَ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَاهُمْ بِذُنُوبِهِمْ وَأَنْشَأْنَا مِنْ بَعْدِهِمْ قَرْنًا مَخْرَجِينَ﴾

Tidakkah mereka memerhati dan memikirkan berapa banyak umat-umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka, pada hal (umat-umat itu) telah Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi (dengan kekuasaan dan kemewahan) yang tidak Kami berikan kepada kamu, dan Kami turunkan hujan atas mereka dengan lebatnya, dan Kami jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka, kemudian Kami binasakan mereka dengan sebab dosa mereka sendiri, dan Kami ciptakan sesudah mereka, umat yang lain?

Damīr yang terdapat pada perkataan “يَرَوْا” [yaraw] (mereka memerhatikan) dan “قَبْلِهِمْ” [qablihim] (sebelum mereka) merujuk kepada “الْمُكَذِّبِينَ الْمُسْتَهْزِئِينَ” [al-mukadhdhibīn al-

mustahzi`īn] (orang-orang yang menipu dan memperolok-olok)<sup>24</sup> atau “الكافرين” [al-kāfirīn] (orang-orang kafir)<sup>25</sup> atau “المشركين” [al-musyrikīn] (orang-orang musyrik)<sup>26</sup> atau “المستهزئين” [al-mustahzi`īn] (orang-orang yang memperolok-olok)²⁷ atau “اهل مكة” [ahl-Makkat] (penduduk Mekah)²⁸. manakala **damīr** yang terdapat pada perkataan “مَكَّنَهُمْ” [makkannāhum] (Kami teguhkan kedudukan mereka), “عَلَيْهِمْ” [‘alayhim] (atas mereka), “تَحْتِهِمْ” [tahtihim] (di bawah mereka), “فَأَهْلَكْنَاهُمْ” [fa’ahlaknāhum] (kemudian kami binasakan mereka), “بِذُنُوبِهِمْ” [bizunūbihim] (kerana dosa mereka) dan “بَعْدَهُمْ” [ba‘dihim] (selepas mereka) merujuk kepada “الأمم” [al-umam] (umat atau generasi yang sebelumnya)²⁹ atau “عاد وثمود” [‘ād wa Thamūd] (kaum ‘Ad dan Thamud)³⁰.

Secara tepatnya persejajaran ciri di antara **damīr ghā’ib** dan tempat kembalinya dari sudut **jam‘ mudhakkar** berakal dapat diperhatikan pada ayat 1, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 20, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 42, 43, 44, 45, 46, 48, 49, 51, 52, 53, 54, 61, 62, 65, 68, 69, 70, 71, 82, 87, 88, 89, 90, 91, 92, 93, 94, 97, 98, 99, 100, 105, 107, 108, 109, 110, 112, 113, 114, 116, 119, 120, 121, 122, 123, 124, 125, 127, 128, 129, 130, 132, 136, 137, 138, 139, 140, 146, 148, 150, 151, 154, 156, 157, 158, 159 dan 160.

5. Tempat kembali adalah **jam‘ mu’annath** tidak berakal. Dalam situasi ini harus digunakan **damīr mufrad mu’annath**. Contoh ayat 6 dalam surah al-An‘ām.

﴿أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ قَرْنٍ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ مَا لَمْ نُمَكِّنْ لَكُمْ وَأَرْسَلْنَا السَّمَاءَ عَلَيْهِمْ
مِدْرَارًا وَجَعَلْنَا الْأَنْهَارَ تَنْحَرِي مِنْ تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَاهُمْ بِذُنُوبِهِمْ وَأَنْشَأْنَا مِنْ بَعْدِهِمْ قَرْنًا آخَرِينَ﴾

Dan Kami jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka, kemudian Kami binasakan mereka dengan sebab dosa mereka sendiri, dan Kami ciptakan sesudah meeka, umat yang lain?

Dalam ayat di atas dapat diperhatikan **ḍamīr ghā'ib** pada **fi'l** (kata kerja) “نَحْرِي” [tajrī] (mengalir) merujuk kepada “الأنهار” [al-anhār] (sungai-sungai)³¹.

Ayat-ayat yang menunjukkan keadaan **ḍamīr ghā'ib** apabila tempat kembalinya adalah **jam' mu'annath** tidak berakal ialah 6, 109, 122, 131, 138 dan 157.

6. Tempat kembali **ḍamīr** adalah **ism jam'** yang bukan khusus untuk perempuan iaitu ‘النوم’ [al qawm] (kaum). Mengikut kaedah nahu harus digunakan **ḍamīr waw jamā'at** dan **mufrad mudhakkar**. Namun begitu di dalam surah al-An'ām hanya **ḍamīr waw jamā'at** sahaja yang digunakan untuk merujuk kepada tempat kembali **ism jam'** ‘النوم’ [al-qawm] (kaum). Contoh ayat 97 dari surah al-An'ām.

﴿قَدْ فَصَّلْنَا الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يُفْقَهُونَ﴾

Sesungguhnya Kami telah jelaskan tanda-tanda kebesaran (Kami) satu persatu, bagi orang-orang yang mengetahui.

Dapat diperhatikan di dalam ayat di atas **ḍamīr ghā'ib waw jamā'at** digunakan untuk merujuk kepada tempat kembali yang terdiri daripada **ism jam'** khusus untuk perempuan iaitu ‘النوم’ [al-qawm] (kaum).

Sementara itu ayat-ayat di dalam surah al-Ancām yang menunjukkan tempat kembali bagi **ḍamīr** ialah ‘النوم’ [al-qawm] (kaum) ialah 97, 98, 99, 105 dan 126.

7. Tempat kembali **ḍamīr** ialah ‘مَا’ [mā] (apa yang), ‘كُلِّ’ [kul] (setiap/semua), dan ‘مَنْ’ [man] (orang yang). Dalam situasi ini harus dipertimbang lafaz atau maknanya dalam pemilihan **ḍamīr**.

- i. Contoh tempat kembali **ḍamīr** adalah ‘مَا’ [mā] (apa yang), ayat 5 dari surah al-An‘ām.

﴿فَقَدْ كَذَّبُوا بِالْحَقِّ لَمَّا جَاءَهُمْ ۖ قَسُوفَ بِأَنفُسِهِم أَنِيبُوا مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ﴾

Maka sesungguhnya mereka telah mendustakan kebenaran (Al-Qur'an) ketika ia sampai kepada mereka. Oleh itu, akan datanglah kepada mereka berita (yang membuktikan kebenaran) apa yang mereka selalu ejek-ejek itu (iaitu mereka akan ditimpa bala bencana).

Ḍamīr ghā'ib yang terdapat pada perkataan “يَ” [biḥī] (dengannya) merujuk kepada “مَا” [mā] (yang)³². Jelas, terdapat keseimbangan dari sudut genus dan bilangan di antara **ḍamīr** dan tempat kembalinya. Sepertimana kita ketahui sekiranya tempat kembalinya ialah “مَا” [mā] (yang) harus untuk **ḍamīr** yang merujuk kepadanya mempertimbangkan pada lafaz tempat kembali tersebut atau mempertimbangkan pada maknanya. Dalam hal ini “مَا” [mā] (yang) di atas adalah kata nama khas bagi “الْحَقِّ” [al-haq] (kebenaran), iaitu terdiri daripada genus **mudhakkar** dan bilangan **mufrad**. Di samping itu “مَا” [mā] (yang) yang berperanan sebagai **ism mawsul** dan keterangannya bertindak sebagai keterangan kepada “الْحَقِّ” [al-haq] (kebenaran) iaitu yang juga membawa maksud al-Qur'an.

Ayat-ayat dalam surah al-Ancām yang menunjuk kepada keadaan ini ialah ayat 5, 10, 28, 31, 44, 57, 58, 80, 81, 118, 119, 121, 124, 145, 146, 151 dan 164.

- ii. Contoh tempat kembali **ḍamīr** berkaitan dengan ‘كُلِّ’ [kul] (setiap/semua), ayat 123 dari surah al-An‘ām.

﴿وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا فِي كُلِّ قَرْيَةٍ أَكْبَرًا مَّحْرُمِيهَا لِيَعْلَمُوا فِيهَا مَا يَمْكُرُونَ إِلَّا بِأَنفُسِهِمْ وَمَا يَشْعُرُونَ﴾

Dan demikianlah Kami adakan dalam tiap-tiap negeri orang-orang besar yang jahat supaya mereka melakukan tipu daya di negeri itu, pada hal tiadalah mereka memperdayakan melainkan diri sendiri (kerana merekalah yang akan menerima akibatnya yang buruk), sedang mereka tidak menyedarinya.

Damīr ghā'ib “ها” [ha] pada perkataan “مُجْرِمِيهَا” [muḥrimīhā] (penjahat-penjahatnya) merujuk kepada “قَرْيَةٍ” [qaryat] (negeri)³³ tidak kepada lafaz “كُلِّ” [kul] (setiap), sedangkan ia adalah **mudāf**. Ini adalah kerana lafaz tersebut diidafatkan kepada **ism** yang **nakirat**. Di samping itu dapat diperhatikan bahawa kedua-duanya mempunyai persejajaran ciri baik dari sudut genus mahupun bilangan.

Ayat-ayat dalam surah al-An‘ām yang menunjuk kepada keadaan ini ialah ayat 25, 70, 102, 108, 123 dan 164.

iii. Contoh tempat kembali **damīr** adalah ‘مَنْ’ [man] (orang yang), ayat 104 dari surah al-An‘ām.

﴿فَدَجَّكُمْ بِضَائِرٍ مِّن رَّبِّكُمْ فَمَنْ أَبْصَرَ فَلِنَفْسِهِ، وَمَنْ عَمِيَ فَعَلَيْهَا، وَمَا أَنَا عَلَيْكُمْ بِحَفِيطٍ﴾

(Katakanlah Wahai Muhammad): Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan-keterangan (dalil-dalil dan bukti) dari tuhan kamu; oleh itu, siapa melihat (kebenaran itu serta menerimanya) maka (faedahnya terpulang) kepada diri sendiri, dan sesiapa buta (dan enggan menerimanya) maka (bahayanya tertimpalah) ke atas diri sendiri. Dan tiadalah aku berkewajipan menjaga dan mengawasi kamu.”

Damīr ghā'ib “ا” [h] pada perkataan “فَلْيَنْفَيْهِ” [falinafsihī] (bagi dirinya) merujuk kepada “مَنْ” [man] (orang yang). Kedua-duanya dari segi lafaz adalah dari genus yang sama dan bilangan **mufrad**.

Ayat-ayat dalam surah al-An‘ām yang menunjuk kepada keadaan ini ialah ayat 16, 39, 48, 54, 63, 93, 104, 122, 125, 144, 145, 157 dan 160.

Sementara itu, terdapat tiga ayat di dalam surah al-An‘ām yang memperlihatkan penyimpangan di antara kaedah nahu dan penggunaannya di dalam al-Qur‘an dari sudut konsep persejajaran ciri di antara **damīr ghā'ib** dan tempat kembali. Ayat-ayat tersebut ialah 57, 105 dan 141. Dalam ayat 57 dari surah al-An‘ām Allah s.w.t berfirman:

﴿قُلْ إِنِّي عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّي وَكَذَّبْتُم بِهِ﴾

Katakanlah: “Sesungguhnya aku tetap berada di atas (kebenaran yang berdasarkan) bukti-bukti yang nyata (Al-Qur‘an) dari tuhanku, sedang kamu mendustakannya.”

Damīr ghā'ib yang terdapat pada perkataan ‘به’ [bihi] (dengannya) dikatakan merujuk kepada ‘بَيِّنَةٍ’ [bayyinat] (hujah yang nyata).³⁴ Secara zahir dapat dilihat penyimpangan yang berlaku dari sudut konsep persejajaran ciri di antara **damīr ghā'ib** dan tempat kembalinya. Namun begitu ahli-ahli tafsir mempunyai alasan yang tersendiri dalam menghuraikan penyimpangan ini. Ada yang berpendapat **damīr ghā'ib** tersebut merujuk kepada makna lafaz ‘بَيِّنَةٍ’ [bayyinat] (bukti yang nyata) iaitu ‘الْبَيَانُ’ [al bayān] (kenyataan) dan bukan kepada lafaz ‘بَيِّنَةٍ’ [bayyinat] (bukti yang nyata).³⁵ Dalam pada itu ada yang berpendapat ta’ **marbūtat** yang terdapat pada perkataan ‘بَيِّنَةٍ’ [bayyinat] (hujah yang nyata) adalah menunjukkan kepada **mubālaghat** dan bukan tanda **ta’nīth**. Justeru itu maksud yang ingin disampaikan ialah ‘أمر بهن’ [amr bayyin] (perkara yang nyata).³⁶

Situasi yang hampir sama dapat dilihat dalam ayat 105 dari surah al-An‘ām, iaitu:

﴿وَكَذَلِكَ نَصْرِفُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يُزَيِّغُهَا ۚ وَاللَّهُ يَدْرُسُ وَهُوَ يُعَلِّمُ ۚ﴾

Dan demikianlah Kami terangkan ayat-ayat keterangan Kami satu-persatu (dengan berbagai-bagai cara), (untuk menimbulkan keingkaran mereka) dan supaya mereka (yang ingkar itu menuduhmu dengan) berkata: “Engkau telah mempelajarinya (dari orang-orang lain)”, dan supaya Kami menerangkan (Al-Qur‘an) itu kepada orang-orang yang (mahu) mengetahui.

Damīr ghā’ib ‘ء’ [h] (nya) yang terdapat pada perkataan ‘لِقَوْمٍ يُزَيِّغُهَا’ [linubayyinahu] (supaya Kami menerangkannya) dikatakan merujuk kepada ‘الآيَاتِ’ [al-āyāt] (ayat-ayat).³⁷ Di sini timbul perbezaan ciri diantara **damīr ghā’ib** dan tempat kembalinya. **Damīr ghā’ib** adalah **mufrad mudhakkar** sedangkan tempat kembalinya adalah **jam‘ mu’annath sālim**. Ini menyimpang dari kaedah nahu yang telah ditetapkan oleh ahli bahasa. Namun begitu untuk menyelesaikan permasalahan ini **damīr ghā’ib** tersebut dikatakan merujuk kepada makna lafaz iaitu ‘القرآن’ [al-Qur‘ān] (al-Qur‘an) dan bukan kepada lafaz ‘الآيَاتِ’ [al-āyāt] (ayat-ayat).³⁸

Manakala dalam ayat 141, penggunaan **damīr ghā’ib mufrad** telah menimbulkan percanggahan pendapat di antara ahli-ahli tafsir dan ahli-ahli bahasa seperti al-Qurtubiy, Abu Ḥayyān dan Abu Maṣṣūr al-Tha‘ālabiyy dari sudut persejajaran ciri. Ini kerana **damīr** yang digunakan adalah **mufrad** sedangkan tempat kembalinya adalah **muthannā** dalam bentuk ‘**ataf**. Al-Qurtubiy sependapat dengan Abu Maṣṣūr dalam menghuraikan firman Allah s.w.t:

﴿وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أَكْثَرَهُ ۚ﴾

Dan Dialah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar (tanamannya) dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya.

Menurut al-Qurtubīy **ḍamīr ghā'ib** yang terdapat pada perkataan “أَكَلَهُ” [ukuluhu] (buahnya) merujuk kepada “النَّخْلَ” [al nakhl] (pohon kurma) dan “الزَّرْعَ” [al zar^e] (tanam-tanaman). Malah menurut beliau penggunaan **ḍamīr ghā'ib mufrad** sudah memadai, memandang terdapat ayat-ayat al-Qur'an yang menggunakan **ḍamīr ghā'ib mufrad** sebagai kata ganti nama untuk sesuatu yang **muthannā** seperti mana ayat dari surah al-Jumū'at sebelum ini.³⁹

Walau bagaimanapun pendapat ini ditolak oleh Abu Ḥayyān kerana tidak harus penggunaan **ḍamīr mufrad** sebagai kata ganti nama bagi dua **ism** yang di^{ʿata}afkan. Dalam menyelesaikan penyimpangan ini Abu Ḥayyān berpendapat **ḍamīr ghā'ib mufrad** tersebut merujuk kepada tempat kembali yang paling hampir dengannya iaitu “الزَّرْعَ” [al-zar^e] (tanam-tanaman). Sementara itu **hāl** bagi “النَّخْلَ” [al-nakhl] (pohon kurma) telah digugurkan kerana terdapat petunjuk yang menunjuk kepada pengguguran tersebut. Beliau membuat andaian ayat tersebut pada asalnya berbunyi “وَالنَّخْلَ مَخْتَلِفًا أَكَلَهُ وَالزَّرْعَ مَخْتَلِفًا أَكَلَهُ” [wa al-nakhl mukhtalifan ukuluhū wa al-zar^e mukhtalifan ukuluhū] (pohon kurma yang bermacam buahnya dan tanaman yang bermacam buahnya). Permasalahan ini ada persamaan dengan contoh ayat “زَيْدٌ وَعَمْرُو قَائِمٌ” [zayd wa ʿamrw qā'im] (Zaid dan Amar berdiri) iaitu “زَيْدٌ قَائِمٌ وَعَمْرُو قَائِمٌ” [zayd qā'im wa ʿamrw qā'im] (Zaid berdiri dan Amar berdiri).⁴⁰

5.3 Tempat Kembali *Ḍamīr* yang banyak di dalam surah al-An'ām

Sebagaimana yang disebut dalam bab yang ketiga dalam disertasi ini bahawa penentuan kedudukan tempat kembali *Ḍamīr* perlu apabila terdapat dua atau lebih tempat kembali yang sesuai bagi satu *Ḍamīr ghā'ib*. Ia bagi memastikan *Ḍamīr* merujuk kepada tempat kembali yang sebenar dan tepat. Keadaan ini turut terdapat dalam surah al-An'ām di mana terdapat lebih daripada satu atau banyak tempat kembali yang sesuai dari segi persejajaran ciri bagi *Ḍamīr ghā'ib* yang satu.

5.3.1 Penentuan Tempat Kembali *Ḍamīr* Berdasarkan Kedudukannya

Terdapat lima ayat dalam surah al-An'ām yang menunjukkan bahawa *Ḍamīr ghā'ib* merujuk kepada tempat kembali yang paling hampir dengannya mengikut pendapat sesetengah ahli tafsir. Ayat-ayat tersebut ialah:

1. Ayat ke 84 dari surah Al-An'ām.

﴿وَوَهَبْنَا لَهُ إِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ كُلًّا هَدَيْنَا وَنُوحًا هَدَيْنَا مِنْ قَبْلُ وَمِنْ ذُرِّيَّتِهِ دَاوُدَ وَسُلَيْمَانَ وَأَيُّوبَ

يُوسُفَ وَمُوسَى وَهَارُونَ وَكَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ﴾

Dan Kami anugerahkan kepada (nabi) Ibrahim (anakny) Ishak (dari isterinya Sarah), dan (cucunya) Ya'qub. Tiap-tiap seorang (dari mereka) Kami telah berikan pertunjuk, dan (nabi) Nuh (juga) Kami telah berikan pertunjuk dahulu sebelum itu; dan dari keturunan (nabi) Ibrahim itu (ialah nabi-nabi) Daud, dan Sulaiman, dan ayub, dan Yusuf, dan Musa, dan Harun. Dan demikianlah Kami memberi balasan kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amal perbuatannya.

Menurut al-Tabariy ayat di atas menceritakan bahawa Allah s.w.t telah memberi petunjuk kepada nabi Ishak, Ya'qub, Nuh dan keturunannya. Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan keturunannya ialah keturunan nabi Nuh a.s kerana ia merupakan yang paling hampir dengan *Ḍamīr* tersebut. Di samping itu, di

sebut selepas ayat ini, ayat yang menyebut nabi Lut a.s yang bukan dari keturunan nabi Ibrahim a.s.⁴¹ malah pendapat ini dikatakan merupakan pendapat al-Farrā'.⁴²

2. Ayat ke 89 dari surah al-An'ām.

﴿أُولَئِكَ الَّذِينَ مَاتَنَهُمُ الْكِتَابُ وَالْحُكْمُ وَالنُّبُوَّةُ فَإِنْ يَكْفُرْ بِهَا هَؤُلَاءِ فَقَدْ وَكَلْنَا بِهَا قَوْمًا لَّيْسُوا بِهَا بِكَافِرِينَ﴾

Mereka itulah orang-orang yang telah Kami berikan kepadanya kitab suci, dan hikmah (ilmu pengetahuan), serta pangkat kenabian. Oleh itu, jika orang-orang (kafir) itu mengingkarinya, maka sesungguhnya Kami akan menyerahkannya kepada kaum (lain) yang tidak akan kufur kepadanya.

Dalam ayat di atas Allah s.w.t menegaskan kepada orang-orang kafir (Quraisy) pada zaman nabi Muhammad s.a.w bahawa sekiranya mereka mengingkarinya, Allah akan menyerahkannya kepada kaum lain. Menurut Abu Hayyān yang di maksudkan dengan mengingkarinya ialah mengingkari kenabian kerana ia merupakan yang paling hampir dengan **damir** tersebut.⁴³

3. Ayat ke 100 dari surah al-An'ām.

﴿وَجَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ الْجِنَّ وَخَلَقَهُمْ وَخَرَقُوا لَهُم مَّبْنِينَ يَغُيِّرُ عَنْهُمْ سَوَاعِدَهُمْ وَتَعَالَى عَمَّا يُصِفُونَ﴾

Dan mereka menjadikan jin itu sekutu bagi Allah, padahal Allah jualah yang menjadikan mereka; dan mereka membuat dusta terhadap Allah dengan mengada-adakan baginya anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan, dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan. Maha suci Allah dan Maha tinggilah Dia dari apa yang mereka sifatkan!

Dalam ayat di atas Allah membuat penafian yang sekeras-kerasnya bahawa bagiNya sekutu seperti mana yang didakwa oleh orang-orang musyrikin dalam firman Allah

seperti di atas. Malah Allah sendiri menjadikan mereka. Dalam menghuraikan ‘menjadikan mereka’ timbul beberapa pendapat daripada ahli-ahli tafsir mengenainya. Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa maksud ‘menjadikan mereka’ ialah menjadikan jin itu sendiri, iaitu yang dijadikan sebagai sekutu bagi Allah.⁴⁴ Ini disebabkan **damīr ghā’ib** tersebut boleh juga merujuk kepada jin iaitu kata nama yang paling hampir dan bersesuaian dari sudut ciri-cirinya.⁴⁵ Dalam hal ini maksud ayat akan menjadi “Dan mereka (orang-orang musyrik) menjadikan jin itu sekutu bagi Allah, padahal Allahlah yang menciptakan jin-jin itu”.

4. Ayat ke 141 dari surah al-An‘ām.

﴿وَهُوَ الَّذِي أَنشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أَكْلُهُ، وَالزَّيْتُونَ وَالرَّيْحَانُ

مُتَشَبِّهًا وَغَيْرَ مُتَشَبِّهٍ ۚ كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثَرَ وَآتُوا حَقَّهُ، وَلَا تَسْرِفُوا ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ

الْمُسْرِفِينَ ۝﴾

Dan Dialah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar (tanamannya) dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaitun dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau-lampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan), dan sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau-lampau.

Allah menceritakan nikmat-Nya yang telah dikurniakan kepada manusia dalam bentuk pohon kurma dan tanam-tanaman yang bermacam-macam rasanya. Terdapat beberapa tafsiran terhadap **damīr ghā’ib** yang terdapat pada rasanya. Abu Ḥayyān dan Ibn ‘Asyūr berpendapat yang dimaksudkan dengan buahnya ialah buah tanam-tanaman tersebut kerana ia yang paling hampir dengan **damīr** tersebut.⁴⁶

Demikian juga halnya dengan **damīr ghā'ib** yang terdapat pada perkataan “حَقَّةٌ” [haqqahū] (haqnya) dan “حَصَادِيهِ” [hasadihī] (menuainya). **Damīr-damīr** ini dikatakan merujuk kepada “وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ” [wa al zaytūn wa al rummān] (buah zaitun dan delima) kerana ia yang paling hampir dengan **damīr** tersebut.⁴⁷

5. Ayat ke 145 dari surah al-An'ām.

﴿قُلْ لَا أُجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ حَنِيزٍ

فِئْتِهِ، رِجْسًا أَوْ فِسْقًا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ﴾

Katakanlah (Wahai Muhammad): “Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi – kerana sesungguhnya ia adalah kotor – atau sesuatu (yang dilakukan secara) fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah.” Kemudian siapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya tuhanmu amat pengampun, lagi amat mengasihani.

Dalam ayat di atas Allah s.w.t menegaskan bahawa semua yang ada di muka bumi ini halal untuk dimakan kecuali bangkai, darah yang mengalir dan daging babi. Seterusnya Allah memberitahu pengharaman tersebut kerana ia adalah kotor. Persoalannya di sini ialah dalam ayat di atas Allah s.w.t menggunakan **damīr mufrad** dalam menyatakan sebab pengharaman tersebut. Adakah **damīr ghā'ib** tersebut merujuk kepada kesemua benda yang diharamkan itu atau adakah **damīr** tersebut merujuk kepada perkataan *daging* sahaja atau ia merujuk kepada perkataan *babi* sahaja kerana ia yang paling hampir dengan **damīr** tersebut?

Terdapat pelbagai tafsiran berhubung persoalan di atas. Menurut Ibn Hāzim⁴⁸ **damīr** tersebut merujuk kepada perkataan *babi* kerana ia paling hampir disebut sebelum

damīr. Tambahan pula ia membawa maksud pengharaman semua anggota babi tidak terhad kepada babi sahaja

5.3.2 Penentuan Tempat Kembali Damīr Berdasarkan Subjek Perbincangan.

Terdapat empat ayat di dalam surah al-An‘ām yang mana menurut ahli tafsir seperti Abu Ḥayyān **damīr ghā’ib** merujuk kepada **ism** atau tempat kembali yang menjadi subjek atau topik perbincangan dalam ayat. Ayat-ayat tersebut ialah:

1. Ayat ke 84 dari surah al-An‘ām.

﴿وَوَهَبْنَا لَهُ إِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ كُلًّا هَدَيْنَا وَنُوحًا هَدَيْنَا مِن قَبْلُ وَمِن ذُرِّيَّتِهِ دَاوُدَ وَسُلَيْمَانَ وَأَيُّوبَ وَيُوسُفَ وَمُوسَى وَهَارُونَ وَكَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ﴾

Dan Kami anugerahkan kepada (nabi) Ibrahim (anakny) Ishak (dari isterinya Sarah), dan (cucunya) Ya'kub. Tiap-tiap seorang (dari mereka) Kami telah berikan pertunjuk, dan (nabi) Nuh (juga) Kami telah berikan pertunjuk dahulu sebelum itu; dan dari keturunan (nabi) Ibrahim itu (ialah nabi-nabi) Daud, dan Sulaiman, dan ayub, dan Yusuf, dan Musa, dan Harun. Dan demikianlah Kami memberi balasan kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amal perbuatannya.

Dalam ayat di atas ketika menghuraikan maksud keturunannya ahli-ahli tafsir ada berpendapat ia adalah keturunan nabi Ibrahim a.s kerana ia merupakan subjek perbincangan di dalam ayat ini.⁴⁹ Menurut al-Qurtubīy ini sejajar dengan pendapat al-Zajjāj.⁵⁰

2. Ayat ke 100 dari surah al-An‘ām.

﴿وَجَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ الْجِنَّ وَخَلَقَهُمْ وَخَرَقُوا لَهُ بَنِينَ وَبَنَاتٍ بِغَيْرِ عِلْمٍ سَخِنَ اللَّهُ عَمَّا يُصْنُونَ﴾

Dan mereka menjadikan jin itu sekutu bagi Allah, padahal Allah jualah yang menjadikan mereka; dan mereka membuat dusta terhadap Allah dengan mengada-adakan baginya anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan, dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan. Maha suci Allah dan Maha tinggilah Dia dari apa yang mereka sifatkan!

Allah menafikan sekeras-kerasnya bahawa bagi-Nya sekutu seperti mana yang didakwa oleh orang-orang musyrikin dalam firman Allah seperti di atas. Malah Allah sendiri yang menjadikan mereka. Dalam menghuraikan ‘menjadikan mereka’ timbul beberapa pendapat daripada ahli-ahli tafsir mengenainya. Ada yang berpendapat ‘menjadikan mereka’ ialah menjadikan orang-orang yang menyekutukan Allah sekutu.⁵¹ Malah menurut Abu Hayyān memperkuat lagi pendapat ini ialah kerana orang yang menjadikan bagi Allah sekutu adalah subjek perbincangan dalam ayat di atas.⁵² Oleh itu ayat di atas membawa maksud “Dan mereka (orang-orang musyrik) menjadikan jin itu sekutu bagi Allah, padahal Allahlah yang menciptakan orang yang menjadikan jin itu sekutu bagi Allah”.

3. Ayat ke 137 dari surah al-An‘ām.

﴿وَكَذَلِكَ زَيْنَ لِكَثِيرٍ مِنَ الْمُشْرِكِينَ قَتَلَ أَوْلَادَهُمْ شُرَكَائُهُمْ لِيَرُدُّوهُمْ وَلِيَلْبَسُوا عَلَيْهِمْ دِينَهُمْ وَلَوْ شَاءَ

اللَّهُ مَا فَعَلُوا ۖ فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ ۝﴾

Dan demikianlah (juga jahatnya) ketua-ketua yang orang-orang musyrik itu jadikan sekutu bagi Allah, menghasut kebanyakan dari mereka dengan kata-kata indah yang memperlihatkan eloknya perbuatan membunuh anak-anak mereka, untuk membinasakan mereka dan untuk mengelirukan mereka mengenai agama mereka. Dan kalau Allah kehendaki, nescaya mereka tidak melakukannya. Oleh itu biarkanlah mereka dan apa yang mereka ada-adakan itu.

Ayat ini menceritakan tentang perbuatan orang-orang musyrikin yang memandang baik membunuh anak-anak mereka hasil tipu daya pemimpin-pemimpin mereka. Allah

menegaskan kalau Allah menghendaki nescaya mereka tidak mengerjakannya. Terdapat pelbagai tafsiran dalam menghuraikan maksud ‘melakukannya’. Menurut Abu Ḥayyān ‘melakukannya’ bermaksud menmelakukan pembunuhan anak-anak mereka, kerana ia merupakan subjek perbincangan dalam ayat tersebut.⁵³ Namun begitu terdapat juga pendapat yang mengatakan ia bermaksud memandang baik membunuh anak-anak mereka.⁵⁴

4. Ayat 145 dari surah al-An‘ām.

﴿قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ حَنِزِيرٍ ۚ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقٌ أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ﴾

Katakanlah (Wahai Muhammad): “Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi – kerana sesungguhnya ia adalah kotor – atau sesuatu (yang dilakukan secara) fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah.” Kemudian siapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginiya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya tuhanmu amat pengampun, lagi amat mengasihani.

Damīr ghā’ib yang terdapat pada perkataan “فَيْتَةٍ” [fainnahu] (sesungguhnya) merujuk kepada “لَحْمٍ” [lahm] (daging) dan tidak kepada “حَنِزِيرٍ” [hinzir] (babi) kerana ia merupakan subjek perbincangan di dalam ayat tersebut.⁵⁵ Di samping itu ia adalah **mudāf** dan sedangkan “حَنِزِيرٍ” [hinzir] (babi) adalah **mudāf ilayh**. Sebagai mana yang diketahui **damīr ghā’ib** merujuk kepada **mudāf** dan tidak kepada **mudāf ilayh**.⁵⁶

5.4 Penutup

Secara keseluruhannya kita dapat perhatikan peri pentingnya peranan yang dimainkan oleh **ḍamīr ghā'ib** dalam ayat-ayat al-Qur'an al-karim. Ia bertindak bukan sahaja sebagai penyambung di antara satu perkataan ke satu perkataan, tetapi juga berperanan menentukan maksud yang ingin disampaikan.

Nota Hujung

- ¹ Abu Ḥayyān. *Al-Baḥr al-Muḥīt*, jil. 4, hal. 448. Al-Samīn al-Halabīy. *Al-Dur al-Masun*, jil. 4, hal. 551. Al-Alūsīy al-Baghdādīy. *Ruh al-Ma'aniy*, juz. 7, hal. 106. *aw*
- ² Abu Ḥayyān. *Ibid*, jil. 4, hal. 610. Al-Samīn al-Halabīy. *Ibid*, jil. 5, hal. 98. Al-Alūsīy al-Baghdādīy. *Ibid*, juz. 7, hal. 105.
- ³ *Ibid*. *Ibid*. *Ibid*.
- ⁴ Abu Ḥayyān, *Ibid*, jil. 4, hal. 633. Al-Zamakhshariy. *Al-Kasasyāf*, jil. 2, hal. 47. Al-Samīn al-Halabīy. *Ibid*, jil. 5, hal. 132. Al-Alūsīy al-Baghdādīy. *Ibid*, juz. 8, hal. 16.
- ⁵ Abu Ḥayyān. *Ibid*, jil. 4, hal. 537. Al-Samīn al-Halabīy. *Ibid*, jil. 4, hal. 663.
- ⁶ Abu Ḥayyān. *Ibid*, jil. 4, hal. 442. Al-Samīn al-Halabīy. *Ibid*, jil. 4, hal. 544. Ibn 'Asyūr. *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Juz 6-7, hal. 143.
- ⁷ Ibn 'Asyūr. *Ibid*, juz 6-7, hal. 143.
- ⁸ *Ibid*. hal. 145.
- ⁹ *Ibid*. hal. 180.
- ¹⁰ Abu Ḥayyān. *Op.cit*, jil. 4, hal. 519. Ibn 'Asyūr. *Ibid*, juz 6-7, hal. 244.
- ¹¹ Al-Qurtubīy. *Jam' lil Ahkām al-Qur'an*, jil. 3, juz. 5-6, hal. 282.
- ¹² Al-Qurtubīy. *Ibid*, jil. 3, juz. 5-6, hal. 282. Abu Ḥayyān. *Op.cit*, jil. 4, hal. 531. Al-Zamakhshariy. *Op.cit*, jil. 2, hal. 24. Al-Samīn al-Halabīy. *Op.cit*, jil. 4, hal. 657. Ibn 'Asyūr. *Op.cit*, juz. 6-7, hal. 266.
- ¹³ Abu Ḥayyān. *Ibid*, jil. 4, hal. 549. Al-Samīn al-Halabīy. *Ibid*, jil. 4, hal. 679. Ibn 'Asyūr. *Ibid*, juz 6-7, hal. 296.
- ¹⁴ Al-Samīn al-Halabīy. *Ibid*, jil. 5, hal. 98. Ibn 'Asyūr. *Ibid*, juz 6-7, hal. 423.
- ¹⁵ Abu Ḥayyān. *Op.cit*, jil. 4, hal. 468.
- ¹⁶ *Ibid*, hal. 516.
- ¹⁷ Al-Qurtubīy. *Op.cit*, jil. 3, juz. 5-6, hal. 282. Abu Ḥayyān. *Ibid*, jil. 4, hal. 531. Al-Zamakhshariy. *Op.cit*, jil. 2, hal. 24. Al-Samīn al-Halabīy. *Op.cit*, jil. 4, hal. 657. Ibn 'Asyūr. *Op.cit*, juz. 6-7, hal. 266.
- ¹⁸ Abu Ḥayyān. *Ibid*, jil. 4, hal. 610. Al-Samīn al-Halabīy. *Ibid*, jil. 5, hal. 98.
- ¹⁹ Al-Samīn al-Halabīy. *Ibid*, jil. 4, hal. 594.
- ²⁰ Abu Ḥayyān. *Op.cit*, jil. 4, hal. 479.
- ²¹ Ibn Kathīr. *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm*, jil. 2, hal. 117.
- ²² Abu Ḥayyān. *Op.cit*, jil. 4, hal. 678. Al-Qurtubīy. *Op.cit*, jil. 4, juz. 7-8, hal. 82. Ibn Kathīr. *Ibid*, jil. 2, hal. 176. Al-Samīn al-Halabīy. *Op.cit*, jil. 5, hal. 203.
- ²³ Ibn 'Asyūr. *Op.cit*, juz 6-7, hal. 133.
- ²⁴ Abu Ḥayyān. *Op.cit*, jil. 4, hal. 437.
- ²⁵ Al-Qurtubīy. *Op.cit*, jil. 3, juz. 5-6, hal. 252.
- ²⁶ Ibn Kathīr. *Op.cit*, jil. 2, hal. 117. Ibn 'Asyūr. *Op.cit*, juz. 6-7, hal. 140.
- ²⁷ Al-Samīn al-Halabīy. *Op.cit*, jil. 4, hal. 534.
- ²⁸ Al-Zamakhshariy. *Op.cit*, jil. 2, hal. 6.
- ²⁹ Abu Ḥayyān. *Op.cit*, jil. 4, hal. 437.
- ³⁰ Al-Zamakhshariy. *Op.cit*, jil. 2, hal. 6.
- ³¹ Al-Qurtubīy. *Op.cit*, jil. 3, juz. 5-6, hal. 252.
- ³² Abu Ḥayyān. *Op.cit*, jil. 4, hal. 437. Al-Samīn al-Halabīy. *Op.cit*, jil. 4, hal. 534.
- ³³ Al-Qurtubīy. *Op.cit*, jil. 4, juz. 7-8, hal. 52. Ibn Kathīr. *Op.cit*, jil. 2, hal. 164. Al-Zamakhshariy. *Op.cit*, jil. 2, hal. 164. Ibn 'Asyūr. *Op.cit*, juz. 8-9. Hal. 48.

- ³⁴ Abu Ḥayyān. *Op.cit*, jil. 4, hal. 531. Al-Samīn al-Ḥalabīy. *Op.cit*, jil. 4, hal. 657.
- ³⁵ *Ibid. Ibid.*
- ³⁶ Al-Samīn al-Ḥalabīy. *Ibid*, jil. 4, hal. 657.
- ³⁷ Abu Ḥayyān. *Op.cit*, jil. 4, hal. 609. Al-Samīn al-Ḥalabīy. *Ibid*, jil. 5, hal. 98.
- ³⁸ *Ibid. Ibid*
- ³⁹ Al-Qurtubīy. *Op.cit*, jil. 4, juz. 7-8, hal. 65.
- ⁴⁰ Abu Ḥayyān. *Op.cit*, jil. 4, hal. 667.
- ⁴¹ Al-Qurtubīy. *Op.cit*, jil. 4, juz 7-8, hal. 22. Abu Ḥayyān. *Ibid*, jil. 4, hal. 573. Al-Zamakhshariy. *Op.cit*, jil. 2, hal. 33. Ibn Kathīr. *Op.cit*, jil. 2, hal. 147. Al-Samīn al-Ḥalabīy. *Op.cit*, jil. 5, hal. 27 dan 28. Ibn ʿAsyūr. *Op.cit*, juz. 6-7, hal. 338.
- ⁴² Al-Qurtubīy. *Ibid*, jil. 4, juz 7-8, hal. 22.
- ⁴³ Abu Ḥayyān. *Op.cit*, jil. 4, hal. 577.
- ⁴⁴ Al-Qurtubīy. *Op.cit*, jil. 4, juz 7-8, hal. 35. Abu Ḥayyān. *Ibid*, jil. 4, hal. 603. Al-Zamakhshariy. *Op.cit*, jil. 2, hal. 40. Al-Samīn al-Ḥalabīy. *Op.cit*, jil. 5, hal. 86. Ibn ʿAsyūr. *Op.cit*. Juz. 7-8, hal. 406 dan 407.
- ⁴⁵ Ibn ʿAsyūr. *Ibid*, juz. 7-8, hal. 406 dan 407.
- ⁴⁶ Abu Ḥayyān. *Op.cit*, jil. 4, hal. 667. Ibn ʿAsyūr. *Ibid*, juz. 8-9, hal. 118.
- ⁴⁷ Abu Ḥayyān, *Ibid*, jil. 4, hal. 668. Al-Samīn al-Ḥalabīy. *Op.cit*, jil. 5, hal. 188 dan 189.
- ⁴⁸ Ibn Ḥāzim, Ali Bin Ahmad al-Andalusiyy al-Zāhiriyy.
- ⁴⁹ Al-Qurtubīy. *Op.cit*, jil. 4, juz 7-8, hal. 22. Abu Ḥayyān. *Op.cit*, jil. 4, hal. 573. Al-Zamakhshariy. *Op.cit*, jil. 2, hal. 33. Ibn Kathīr. *Op.cit*, jil. 2, hal. 147. Al-Samīn al-Ḥalabīy. *Op.cit*, jil. 5, hal. 27 dan 28.
- ⁵⁰ Al-Qurtubīy. *Ibid*, jil. 4, juz 7-8, hal. 22.
- ⁵¹ Al-Qurtubīy. *Ibid*, jil. 4, juz 7-8, hal. 35. Abu Ḥayyān. *Op.cit*, jil. 4, hal. 603. Al-Zamakhshariy. *Op.cit*, jil. 2, hal. 40. Al-Samīn al-Ḥalabīy. *Op.cit*, jil. 5, hal. 86. Ibn ʿAsyūr. *Op.cit*, juz. 7-8, hal. 406-407.
- ⁵² Abu Ḥayyān. *Ibid*, jil. 4, hal. 603.
- ⁵³ *Ibid*, jil. 4, hal. 659.
- ⁵⁴ Abu Ḥayyān. *Ibid*, jil. 4, hal. 659. Al-Samīn al-Ḥalabīy. *Op.cit*, jil. 5, hal. 180. Ibn ʿAsyūr. *Op.cit*, juz. 7-8, hal. 406-407.
- ⁵⁵ Abu Ḥayyān. *Ibid*, jil. 4, hal. 673. Al-Samīn al-Ḥalabīy. *Ibid*, jil. 5, hal. 200.
- ⁵⁶ Al-Samīn al-Ḥalabīy. *Ibid*, jil. 5, hal. 200.